



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA



balai seni negara  
National Art Gallery

UKK/600-01/05 (88)

## SIARAN MEDIA

### PAMERAN HANYA SATU ‘SINGLE’ – KENYALANG CIRCUS DI BALAI SENI NEGARA

**5 DISEMBER 2024 – Balai Seni Negara** mempamerkan siri terbaru **Pameran Hanya Satu ‘Single’** dengan karya **Kenyalang Circus** oleh artis grafik dan tekstil muda Malaysia, **Marcos Kueh**, bermula pada **1 Disember 2024 hingga 31 Mac 2025**. Pameran ini mengetengahkan siri karya tekstil berwarna-warni dan *fluorescent* yang dihasilkan dengan mesin tenun industri. **Kenyalang Circus** membawa pengunjung melihat bagaimana artis, Marcos Kueh, bergelut dengan persoalan mengenai identitinya sebagai seorang yang berbangsa Cina, berasal dari Borneo yang tinggal dalam kalangan orang Eropah di Belanda.

Siri ke-9 Pameran Hanya Satu ‘Single’ ini kebanyakannya diinspirasikan daripada imej-imej Malaysia dan Borneo yang digabungkan dengan imej-imej kasar iklan jalanan, logo jenama multinasional, dan benang *fluorescent*, sebagai sindiran halus terhadap sebahagian masyarakat Barat dan Semenanjung Malaysia yang sering menyalah tafsir kepelbagaiannya budaya Borneo.

Kenyalang Circus menampilkan tujuh karya, iaitu **Woven Poster #06: Money Minded**, **Woven Poster #07: Exotic Hospitality**, **Woven Poster #08: Primitive Performance**, **Woven Poster #9a: Homo Savagius Obedius**, **Woven Poster #9b: Homo Maiden Exotica**, **Woven Poster #10: Homo Servantis Erotis**, serta **Woven Billboard: Ibu Pertwi**.

Dalam karya seperti **Woven Poster #06: Money Minded**, **Woven Poster #07: Exotic Hospitality**, dan **Woven Poster #08: Primitive Performance**, Marcos mengetengahkan isu tentang manusia di Borneo ketika mengenakan kostum tradisional dan bekerja dalam industri hospitaliti. Beliau menunjukkan bagaimana ritual seperti penuaian yang dahulunya

dilakukan untuk tujuan keagamaan, kini semakin berubah menjadi persembahan untuk memenuhi kehendak pelancong.

Bagi karya *Woven Poster #9a: Homo Savagius Obedius* dan *Woven Poster #9b: Homo Maiden Exotica*, gambaran makhluk-makhluk yang mengenakan pakaian seragam yang melambangkan peranan mereka sebagai pekerja kilang dan pembersih untuk syarikat asing. Marcos menyampaikan mesej halus apabila masyarakat Borneo dilihat sebagai penduduk yang berasal dari "tanah eksotik" yang unik dan luar biasa, perhatian lebih diberikan kepada keindahan luaran seperti budaya berwarna-warni dan tradisi mereka. Hal ini menyebabkan isu-isu sosial yang dihadapi, seperti ketidaksamarataan dan kesan penjajahan, sering diabaikan atau dianggap kurang penting.

Dalam garis pemikiran yang sama, makhluk yang digambarkan dalam karya *Woven Poster #10: Homo Servantis Erotis* berada di antara tuhan dan raksasa. Berdasarkan status sosioekonomi, ramai penduduk Asia Tenggara berhijrah ke negara maju untuk bekerja sambilan. Mereka sering dilihat sebagai perosak yang menimbulkan masalah dan merampas pekerjaan. Namun, walaupun mereka dianggap sedemikian, setiap individu tetap mempunyai akar budaya dan berhak mendapat belas kasihan serta dilihat sebagai manusia yang mempunyai martabat dan nilai yang sama.

Koleksi karya terakhir ialah *Woven Billboard: Ibu Pertiwiku*, yang dipamerkan seolah-olah sebuah air terjun. Karya ini mengambil inspirasi daripada kepercayaan suku Dayak, yang menceritakan bahawa nenek moyang mereka tinggal di syurga dan hanya turun ke dunia melalui air terjun. Nenek moyang ini dilihat sebagai pemerhati dari atas, memerhati kehidupan manusia yang penuh dengan urusan, kekacauan, dan kelucuan.

**Kenyalang Circus** telah menjelajah ke pelbagai negara, dipamerkan dalam pelbagai versi dan susunan, dari Paris, Perancis hingga ke New York, Amerika Syarikat. Kini, karya ini kembali ke tanah air dan dipamerkan di Balai Seni Negara, menyambut kemeriahan tahun baharu 2025 dengan penuh warna dan kegembiraan.

Orang ramai dijemput untuk melawat dan merasai pengalaman seni yang luar biasa menerusi pameran ini yang berlangsung sehingga 31 Mac 2025. Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari sesawang di [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my).

---

*Dikeluarkan:*  
**Unit Komunikasi Korporat**  
**BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**  
No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur  
Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998  
*E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)*

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**Balai Seni Negara:**

**Zuriyadi Sarpin**  
T: +60 11 1005 5207  
E: [zuriyadi@artgallery.gov.my](mailto:zuriyadi@artgallery.gov.my)

**Intan Syazwina Suhaimi**  
T: +60 19 998 5884  
E: [syazwina@artgallery.gov.my](mailto:syazwina@artgallery.gov.my)